

# Alat perakam kotak pensel

**Kuala Lumpur:** Pasukan Pengauditan Khas oleh Jabatan Audit Negara (Jan) terkejut apabila mengetahui Laporan Audit 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diubah dan kewujudan dua versi berbeza penyata kewangan syarikat itu.

Perkara itu dimaklumkan Pengarah Audit (Tadbir Urus) Jan, Nor Salwani Muhammad ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Datuk Seri Gopal Sri Ram di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Beliau memberi keterangan dalam kes membabitkan Datuk Seri Najib Razak yang didakwa menggunakan kedudukannya bagi meminda Laporan Akhir 1MDB sebelum ia dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Arul Kanda Kandasamy.

Mahkamah sebelum ini dimaklumkan mesyuarat khas itu dipengerusikan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa diadakan bagi membincangkan isu 1MDB atas arahan Najib.

Mesyuarat itu turut dihadiri bekas Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh, bekas



NOR Salwani di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam.

Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang dan Arul Kanda.

Terdahulu, Nor Salwani mengakui beliau tidak masuk ke dalam mesyuarat khas itu sebaliknya ketua pasukan, Saadatul Nafisah Bashir Ahmad (bekas Pengarah Audit) yang mengikuti perjalanan mesyuarat.

“Oleh kerana saya tidak dibenarkan masuk ke dalam mesyuarat, saya memasukkan alat perakam ke dalam kotak pensel milik Saadatul Nafisah tanpa pengetahuannya.

“Saya berbuat demikian kerana perlu mengambil minit mesyuarat itu. Mesyuarat itu berhubung audit 1MDB, saya dan pasukan pula perlu menyediakan laporan audit syarikat itu. Disebabkan itu saya membuat rakaman,” katanya.

Kelmarin, rakaman suara berdurasi dua jam 45 minit itu diperdengarkan di dalam mahkamah.

**SRI RAM:** Selepas itu apa kamu buat?

**SALWANI:** Saya mengambal semula rakaman itu dan pulang ke pejabat sebelum memainkan semula rakaman mesyuarat untuk dengar bersama rakan pasukan lain (Pasukan Pengauditan Khas). Selepas mendengarnya, kami terkejut dengan apa yang berlaku sebelum membuat salinan audio ke dalam cakera keras milik pasukan.

**SRI RAM:** Kenapa kamu terkejut?

**SALWANI:** Ia adalah kerana kami mendengar ada permintaan untuk memadam beberapa perkara dari laporan dan kewujudan dua penyata kewangan 1MDB.